

# ISU-ISU PERUBATAN MENURUT PERSPEKTIF HUKUM

Disediakan  
Oleh  
Ahmad Tirmizi Taha  
Pensyarah FPIK UDM

## Pendahuluan

Kemajuan dunia perubatan hari ini telah banyak memberi manfaat kepada kehidupan manusia sejagat. Banyak penemuan baru telah dicapai di dalam kaedah rawatan melalui pelbagai cara dan peralatan yang canggih. Ia dianggap sebagai satu pencapaian yang gemilang dan bukti kebijaksanaan manusia.

Dari sudut yang lain pula, pencapaian ini merupakan satu cabaran kepada para mujtahid yang terdiri daripada sarjana perundangan Islam yang seharusnya melihat fenomena ini dengan penuh kepekaan dan rasa tanggungjawab.

Justeru itu, para ulama' hari ini perlu tampil ke hadapan untuk menjawab pelbagai persoalan yang dikemukakan oleh masyarakat berkenaan hukum dan perkara-perkara yang berkaitan dengannya.

Kertas kerja ini bukanlah bertujuan untuk memberi fatwa berkaitan isu-isu tersebut, tetapi sekadar mengumpulkan kajian para ulama' terhadap perkembangan yang berlaku di dalam dunia perubatan moden.

Semoga apa yang termaktub di hadapan tuan-tuan akan membuka minda untuk kita sama-sama bincangkan dengan lebih mendalam dan secara ilmiah. Di dalam kertas kerja ini, saya hanya memilih beberapa isu sebagai garis panduan kepada perbincangan terhadap isu-isu perubatan moden masa kini. Isu-isu yang terpilih itu ialah **pembedahan menurut Islam, kebenaran menjalankan rawatan, perancangan keluarga, pengguguran kandungan, mati otak dan euthanasia.**

# **Pembedahan Menurut Fiqh Islam**

## **Hukum Pembedahan**

Pembedahan adalah **dibolehkan** berdasarkan kepada Al-Quran, As-Sunnah, Ijma' dan Qias.

## **Syarat Pembedahan Yang Dibolehkan**

Di antara syarat-syarat pembedahan yang dibenarkan oleh syara' adalah seperti berikut:

- a) Pembedahan yang diperlukan oleh si pesakit.
- b) Si pesakit atau penjaganya memberi keizinan untuk melakukan pembedahan tersebut.
- c) Orang yang merawat mempunyai kelayakan untuk melakukan pembedahan yang dijalankannya itu.
- d) Orang yang merawat berkeyakinan atau mempunyai sangkaan yang kuat mampu mencapai matlamat pembedahan yang dilakukannya itu.
- e) Tidak terdapat alternatif lain yang kurang berisiko dari pembedahan yang dilakukan itu.
- f) Pembedahan tersebut boleh membawa kemaslahatan kepada pesakit.
- g) Pembedahan itu tidak membawa sebarang kemudharatan.
- h) Tujuan pembedahan itu mestilah tujuan yang diharuskan oleh syarak.

Berdasarkan syarat-syarat di atas, maka jelaslah kepada kita sesuatu pembedahan itu adakalanya dibolehkan dan adakalanya tidak dibolehkan. Hukum tersebut tertakluk kepada sejauh mana pembedahan itu memenuhi syarat-syarat yang disebut di atas.

## **Jenis Pembedahan**

Pembedahan dari segi keharusan atau sebaliknya terbahagi kepada dua jenis iaitu pembedahan harus dan pembedahan haram.

### **1-Pembedahan Harus**

Pembedahan harus ialah pembedahan yang dibenarkan oleh syarak. Pembedahan harus adalah seperti berikut:

#### **( a ) Pembedahan Bagi Kes Yang Kritikal**

Pembedahan jenis ini adalah wajib hukumnya . Orang yang merawat pula dianggap sama dengan orang yang menyelamatkan nyawa orang lain .

Contoh bagi pembedahan jenis ini ialah seperti pembedahan untuk mengeluarkan peluru yang berada di dalam badan si pesakit.

**( b ) Pembedahan Untuk Menghilangkan Kecacatan**

Pembedahan bertujuan menghilangkan kecacatan yang menyulitkan adalah dibolehkan. Kecacatan yang dimaksudkan di sini ialah setiap kecacatan yang boleh menyusahkan dan menjatuhkan kewibawaan seseorang atau nilai diri seseorang. Ini kerana pembedahan tersebut mempunyai maslahat yang diakui oleh syara'. Contoh pembedahan jenis ini ialah memotong jari lebih yang menyukarkan pergerakan tangan.

**( c ) Pembedahan Untuk Menghilangkan Penyakit**

Pembedahan ini terbahagi kepada dua keadaan iaitu:

**1) Pembedahan Yang Sedang Dialami**

Pembedahan ini dibolehkan kerana wujudnya kesulitan kepada si pesakit.

**2) Pembedahan Bertujuan Menghindar Penyakit Yang Dijangka Akan Berlaku**

Pembedahan ini dibolehkan dengan syarat diyakini atau dengan sangkaan yang kuat bahawa penyakit tersebut akan berlaku. Tetapi jika sebaliknya, maka tidak boleh dilakukan pembedahan jenis ini.

**( d ) Pembedahan Bersalin**

Pembedahan untuk melahirkan anak mestilah dilihat dari segi keperluan. Jika sekiranya pembedahan terpaksa dilakukan sekira-kira kalau tidak dilakukan pembedahan membawa kepada kematian ibu atau janin, maka pembedahan ini wajib dilakukan.

Jika sekiranya pembedahan yang hendak dilakukan dengan tujuan untuk menghindar kesulitan semasa bersalin, maka dalam hal ini pihak yang terlibat perlu memastikan tiada sebarang kesan sampingan yang boleh membawa kemudharatan kepada si pesakit.

**( e ) Pembedahan Berkhatan**

Berkhatan menurut fiqh ialah memotong kulit kemaluan yang menutupi hasyafah bagi laki-laki dan memotong sedikit dari daging kelentit bahagian paling atas bagi kaum wanita. Secara umumnya berkhatan adalah diwajibkan di dalam Islam.

Pembedahan berkhatan adalah dibolehkan kerana tidak akan terlaksana proses berkhatan melainkan melalui pembedahan.

**( f ) Pembedahan Mayat**

Di antara isu yang sering kita dengar ialah isu pembedahan mayat. Perkara ini tidak dapat dielakkan dalam keadaan tertentu. Para fuqaha' silam telah

membincangkan berkenaan dengan masalah ini secara sepintas lalu. Sebagai contoh perbincangan para fuqaha' silam berkenaan hal ini ialah;

***Apabila terdapat janin yang masih hidup di dalam perut ibunya yang sudah meninggal dunia, maka wajib dibedah perut ibu untuk menyelamatkan janin tersebut.***

#### **( g ) Pembedahan Mayat Untuk Mengetahui Punca Penyakit**

Pembedahan jenis ini terbahagi kepada dua keadaan:

##### **( 1 ) Pembedahan Bertujuan Mempelajari Hal-Hal Rawatan**

Termasuk dalam jenis ini ialah pembedahan mayat bertujuan untuk mempelajari selok belok pembedahan dan yang berkaitan dengannya. Pembedahan ini menjadi khilaf di kalangan para fuqaha'. Sebahagian fuqaha' tidak membolehkan dan sebahagian lagi membolehkannya.

Penulis lebih cenderung kepada pendapat yang mengharuskan pembedahan bentuk ini dengan syarat-syarat berikut:

( a ) Tiada cara lain untuk mengetahui punca penyakit atau seumpamanya melainkan melalui pembedahan mayat manusia.

( b ) Mayat yang dibedah hendaklah mayat orang bukan Islam. Jika menghadapi kesukaran, maka bolehlah dibedah mayat orang Islam.

( c ) Pembedahan yang dilakukan hendaklah sekadar apa yang diperlukan sahaja.

##### **( 2 ) Pembedahan Untuk Mengetahui Punca Kematian ( Bedahsiasat )**

Apabila berlaku sesuatu kematian kepada seseorang yang disyaki ada mengandungi unsur-unsur jenayah di dalamnya, maka bolehlah dilakukan pembedahan ke atas mayat tersebut. Bagi masalah ini, para fuqaha' telah merumuskan bahawa jika terdapat tanda-tanda perbuatan khianat yang membawa kepada kematian si mati, maka bolehlah dilakukan pembedahan jenis ini, tetapi ia haruslah memenuhi syarat-syarat di atas sebagaimana yang telah saya sebutkan sebelum ini dan setelah mendapat keizinan dari keluarga si mati.

#### **( h ) Pembedahan Untuk Memastikan Status Jantina**

Berkenaan dengan masalah ini, Syeikh Najib Al Muti'i berkata sering kali kita terbaca mengenai lelaki yang bertukar menjadi wanita dan wanita menjadi lelaki. Sebenarnya apa yang berlaku bukannya pertukaran jantina, tetapi keaburan dalam menentukan jantina. Terdapat bayi yang disangka perempuan kerana keadaan alat kelaminnya. Tetapi hakikatnya ia seorang lelaki yang kemaluannya tidak zahir di luar. Akibat dari keadaan itu, doktor perlu membuat rawatan untuk menarik keluar kemaluan yang tersembunyi tersebut. Hukum pembedahan ini adalah wajib.

Ringkasnya pembedahan yang dimaksudkan oleh Syeikh Najib itu ialah pembedahan untuk menzahirkan jantina yang sebenar bukannya menukar jantina.

### **( i ) Hukum Pembedahan Kembar Siam**

Penulis mendapati isu di atas tidak banyak diperkatakan oleh para fuqaha' secara langsung. Mengikut kajian penulis, hanya Dr Najjar Zaghlul sahaja yang telah mengeluarkan pendapatnya berkenaan hukum pembedahan bagi kembar siam. Menurut beliau, kembar siam sama hukumnya dengan manusia normal. Oleh itu tidak harus dipisah kembar siam melainkan apabila wujudnya syarat-syarat harus pembedahan seperti yang telah dinyatakan di dalam kertas kerja ini.

## **2-Pembedahan Haram**

Pembedahan haram adalah sebagaimana yang berikut:

### **( a ) Pembedahan Kosmetik**

Pembedahan kosmetik membawa maksud sesuatu pembedahan yang dilakukan dengan tujuan untuk menambahkan kecantikan atau ***mengubah kulit wajah supaya kelihatan lebih muda*** seperti menegangkan kulit wajah yang sudah berkedut, memancungkan hidung yang kemek dan sebagainya.

Hukum bagi pembedahan seperti ini adalah haram dan berdosa besar kerana ia telah ditegaskan oleh nabi S.A.W secara jelas di dalam hadis baginda.

Termasuk di bawah pengertian pembedahan ini ialah:

1-Pembedahan hidung yang bertujuan untuk memancungkan atau Menghaluskannya.

2-Menghaluskan dagu jika dagunya agak lebar.

3-Membesarkan buah dada atau sebaliknya.

4-Menghilangkan kedut perut dengan menyahkan lemak-lemak di sekeliling.

5-Menghilangkan kedut muka.

6-Membuang lemak-lemak di punggung.

7-Menghilangkan kulit yang kecut di lengan.

8-Menipiskan bulu kening.

### **( b ) Pembedahan Menukar Jantina**

Pembedahan untuk menukar jantina adalah diharamkan. Dalil pengharaman adalah cukup jelas dari Al Hadis.

## **Kebenaran Menjalankan Rawatan**

### **Kebenaran Bagi Menjalankan Rawatan**

Kebenaran menjalankan rawatan ialah keredhaan seseorang atau walinya bagi doktor menjalankan rawatan ke atas dirinya.

### **Hukum Memberi Keizinan**

Hukum memberi keizinan ini adalah bergantung kepada jenis rawatan yang akan dijalankan. Jika sekiranya rawatan yang ia jalani itu hukumnya wajib, maka memberi keizinan itu juga hukumnya wajib.

### **Masa Memberi Suatu Keizinan**

Masa memberi keizinan ialah sebelum rawatan dilakukan samada secara bertulis atau secara lisan.

### **Syarat Keizinan**

Keizinan yang diberi tidak akan diambilkira melainkan apabila terdapat padanya syarat-syarat berikut:

- 1- Keizinan itu dibuat oleh si pesakit atau warisnya yang sudah baligh, berakal dan matang.
- 2- Keizinan itu lahir dari kerelaan diri sendiri.
- 3- Keizinan itu dapat difahami dengan jelas.
- 4- Rawatan yang diterima itu adalah rawatan yang halal atau yang dibolehkan.

### **Turutan Orang Yang Berhak Memberi Keizinan Kepada Pesakit**

Apabila si pesakit tidak mampu untuk memberi keizinan, maka warisnya berhak memberi keizinan. Waris yang dimaksudkan di sini ialah waris si pesakit yang terdekat. Apabila terdapat beberapa orang waris terdekat, maka waris yang paling dekat hendaklah didahulukan. Dengan lain perkataan, tidak boleh waris yang jauh memberi keizinan jika terdapat waris yang lebih hampir.

## **Situasi-Situasi Yang Mana Tidak Memerlukan Keizinan Dari Pesakit Atau Warisnya**

Di dalam situasi-situasi tertentu, doktor tidak perlu mendapat keizinan terlebih dahulu dari si pesakit atau warisnya. Keharusan ini adalah berdasarkan kaedah fiqh yang berbunyi :

### ***Kemudharatan mesti dihapuskan***

Situasi tersebut adalah seperti berikut:

- 1- Ketika si pesakit memerlukan rawatan segera seperti mangsa kemalangan yang sedang mengalami pendarahan serius.
- 2- Ketika si pesakit menghadapi penyakit yang cepat merebak dan merbahaya.

### **Hukum Rawatan Tanpa Meminta Keizinan**

Menurut jumhur fuqaha' gantirugi wajib dibayar kepada si pesakit jika ia tidak mengizinkan rawatan itu dijalankan ke atas dirinya. Hukum ini adalah meliputi rawatan yang memberi bermanfaat atau sebaliknya bertujuan menutup pintu helah si doktor yang ingin mengambil kesempatan ke atas pesakitnya.

### **Hukum Kegagalan Rawatan Tanpa Keizinan**

Apabila berlaku kegagalan rawatan tanpa keizinan, maka si doktor akan dikenakan ta'zir atau qisas.

Sebagai contohnya di Arab Saudi apabila seseorang pesakit dijangkiti virus HIV atau AIDS dan meninggal dunia akibat kecuaiannya seorang doktor, maka doktor tersebut akan dikenakan hukuman qisas .

### **Hukum Kegagalan Rawatan Setelah Mendapat Keizinan**

Apabila berlaku sesuatu kemudharatan kepada si pesakit yang diberi rawatan, maka doktor yang bertugas di sektor awam atau swasta berhak mendapat perlindungan daripada majikan mereka dengan mengambil kira perkara berikut:

- a) Jika tugas yang diarahkan itu dijalankan termasuk skop tugas biasa pegawai berkenaan dan tiada bukti yang pegawai berkenaan telah dengan sengaja melakukan kesalahan itu
- b) Tugas yang dilakukan itu hendaklah bagi tujuan atau faedah majikan yakni bukan bertujuan bagi manfaat khusus pegawai berkenaan

- c) Jika pihak majikan mempengaruhi secara tidak wajar yakni memperdaya pekerja dengan mengatakan tindakan yang diarah itu sah, sehingga pekerja melaksanakan tugas itu, maka majikan adalah bertanggungjawab.

Hukuman di atas adalah disamakan dengan hukuman mencederakan atau membunuh secara tidak sengaja.

## **Perancangan Keluarga**

### **Pengertian Perancangan Keluarga**

Perancangan keluarga yang telah dibahaskan oleh para fuqaha' mempunyai tiga pengertian iaitu:

- 1-Menghadkan bilangan anak dengan bilangan tertentu.
- 2-Merancang tempoh kehamilan seperti menjarakkan antara dua kehamilan tanpa menghadkan bilangan anak.
- 3-Menghilangkan kemampuan untuk hamil atau melakukan proses pemandulan.

### **Resolusi Muktamar Fiqh**

Muktamar Fiqh kali kedua yang diadakan di Akademik Penyelidikan Islam Qahiran pada tahun 1968M dan Majlis Akademik Fiqh Islam telah memutuskan berkaitan dengan perancangan keluarga seperti berikut:

- 1- Islam menggalakan pertambahan penduduk kerana pertambahan penduduk akan dapat menguatkan umat Islam.**
- 2- Perancangan keluarga dibolehkan apabila terdapat keperluan mendesak. Keharusan tersebut bersyarat teknik pengguguran yang digunakan itu adalah diharuskan oleh syara'.**
- 3- Haram menggubal undang-undang yang mewajibkan rakyat membataskan atau menghadkan jumlah kelahiran.**

### **Keharusan Perancangan Keluarga Ketika Wujud Keperluan Mendesak**

Sebelum membicarakan tentang masalah perancangan keluarga ini, terlebih dahulu perlu diberi penjelasan berkenaan keperluan mendesak .

Menurut kacamata Islam, keperluan manusia dari segi mendesak atau sebaliknya terbahagi kepada tiga bahagian:

- 1- Keperluan mendesak ( dharurat )
- 2- Keperluan menghindarkan kesulitan ( hajat )



3- Keperluan menambahkan keselesaan ( tahsin )

### **Keperluan Mendesak ( Dharurat )**

Keperluan mendesak ialah keperluan yang boleh menghindar kemudharatan pada agama, nyawa, akal, keturunan dan hartabenda. Apabila keperluan ini tidak dipedulikan maka manusia tidak boleh hidup sebagai manusia normal. Apabila wujud keperluan ini, maka diharuskan perkara yang dilarang seperti dibolehkan memakan bangkai ketika kebuluran. Namun keharusan itu adalah sekadar yang mencukupi keperluan sahaja.

### **Keperluan Menghindarkan Kesulitan ( hajat )**

Keperluan ini ialah keperluan yang boleh menghindarkan kesulitan yang dihadapi dalam kehidupan sekalipun tidak mengancam keselamatan agama, nyawa, akal, keturunan dan hartabenda. Keperluan jenis ini mengharuskan apa yang dilarang.

Contoh bagi keperluan seperti ini ialah harus melihat kemaluan orang lain bertujuan melakukan pembedahan untuk berkhitan.

### **Keperluan Menambah Keselesaan ( tahsin )**

Keperluan ini ialah keperluan yang hanya untuk menambah keselesaan bukannya menghindar kesukaran. Tanpa keperluan ini, manusia boleh menjalani kehidupan secara normal. Keperluan jenis ini tidak mengharuskan apa yang dilarang.

Contoh keperluan ini ialah memandulkan wanita kerana hendak menjaga kecantikannya, merancang keluarga kerana hendak menjaga kecantikan atau kerana bimbang taraf hidup anak pada masa akan datang atau kerana mengikut peredaran zaman.

### **Kesimpulan**

Perancangan keluarga diharamkan melainkan jika terdapat keperluan mendesak atau keperluan yang boleh menghindarkan kesulitan.

Berkaitan pemandulan sepanjang hayat pula, ianya tidak diharuskan melainkan apabila wujud keperluan mendesak ( dharurat ) iaitu keadaan yang boleh mengancam agama, nyawa, akal, keturunan dan hartabenda.

### **Penentuan Keperluan**

Penentuan tahap keperluan hendaklah ditentukan oleh jawatankuasa khas yang terdiri dari pakar-pakar dari pelbagai bidang.

## **Teknik Perancangan Keluarga**

Teknik yang digunakan setelah dipastikan wujudnya keperluan yang diiktiraf hendaklah :

- 1- Tidak membawa kemudharatan.
- 2- Dilakukan oleh doktor wanita yang berkepakaran dan beragama Islam jika ia melibatkan pendedahan kemaluan.
- 3- Mendapat keizinan dari suami .

## **Contoh Bagi Kes Perancangan Keluarga Yang Dibenarkan**

Pertanyaan oleh Pengarah Hospital Al Malik Khalid Najran berkenaan mengikat rahim secara kekal.

*"Seorang pesakit wanita telah merujuk kepada hospital pada tarikh 23 12 1412H dengan melampirkan laporan pembedahan yang telah dilakukan ke atasnya pada tahun lepas. Wanita tersebut ketika itu telah hamil selama lapan bulan. Beliau terpaksa menjalani pembedahan untuk melahirkan kandungannya yang keempat kerana menghadapi kemungkinan rahim pecah jika bersalin secara normal. Oleh itu, si pesakit perlu menjalani rawatan mengikat rahim secara kekal bertujuan menghalang dari berlaku kehamilan seterusnya yang boleh mengancam keselamatan dirinya. Untuk itu, kami lampirkan bersama laporan perubatan si pesakit tersebut untuk perhatian pihak tuan."*

## **Jawapan**

Setelah dibuat penelitian dan kajian berkenaan kes tersebut, Jawatankuasa Fatwa ( Arab Saudi ) telah memutuskan bahawa rawatan mengikat rahim itu ( merujuk kes di atas-pent. ) adalah dibolehkan bagi tujuan menghindarkan kemudharatan sepertimana yang dinyatakan di dalam laporan perubatan tersebut.

**Sekian.**

## **Contoh Larangan Perancangan Keluarga**

Surat dari Pengarah Hospital Al Amir Mansor Al 'Askari Taif.

*"Kami ingin meminta fatwa dari pihak tuan berkenaan beberapa kes yang berlaku di hospital kami. Di antara kes-kes tersebut ialah:*

- (a) *Permintaan suami supaya diikat rahim isterinya supaya ia tidak hamil.*

- (b) *Permintaan sepasang suami isteri yang mahu melakukan rawatan yang sama dengan alasan ia hanya mahu memiliki seorang anak sahaja.*
- (c) *Permintaan seorang wanita yang meminta supaya diikat rahimnya dengan alasan ia bebas menggunakan haknya.*
- (d) *Permintaan sepasang suami isteri supaya diikat rahim sekalipun si isteri tidak menghadapi sebarang masalah kesihatan.*

*Soalan kami apakah hukum bagi masalah-masalah yang tersebut di atas?"*

### **Jawapan**

Jika benarlah masalah sepertimana yang dikemukakan di atas, maka perbuatan mengikat rahim ini adalah tidak harus samasekali dilakukan di sisi syara'. Ini kerana perbuatan tersebut jelas bertentangan dengan tuntutan syara' agar menambahkan bilangan ummah di muka bumi ini.

**Sekian.**

### **Pengguguran Kandungan**

Hukum pengguguran kandungan tidak disebut secara langsung di dalam Al-Quran dan hadis nabi S.A.W. Apa yang dibicarakan secara langsung ialah pengharaman membunuh jiwa dengan cara yang tidak sebenar, membunuh anak kerana bimbang kesempitan hidup pada masa akan datang dan pampasan yang wajib dibayar akibat perbuatan jenayah membunuh kandungan atau menggugur kandungan secara tidak sebenar.

Bertitik tolak dari sinilah para fuqaha' telah berbeza pendapat mengenai hukum pengguguran kandungan seperti yang dibincangkan pada masa kini.

### **Status Janin Atau Kandungan Menurut Kacamata Fiqh**

Janin mempunyai dua status yang berbeza menurut fiqh. Perbezaan status itu adalah berdasarkan usia janin. Status tersebut adalah seperti berikut:

- 1- Janin ketika berusia 120 hari dan ke bawah adalah sama dengan anggota manusia.
- 2- Janin ketika berusia 120 hari dan ke atas adalah hampir sama dengan manusia biasa. Perbezaan di antara janin ini dengan manusia ialah manusia hidup di alam nyata manakala janin hidup dalam rahim.

## **Definisi Pengguguran Kandungan**

Pengguguran kandungan ialah mengeluarkan kandungan dari rahim sebelum tiba tempoh bersalin dengan tujuan untuk mematikan kandungan tersebut.

## **Hukum Pengguguran Kandungan**

Hukum pengguguran adalah bergantung kepada status janin sebagaimana yang telah sebut sebelum ini. Oleh itu, hukum pengguguran terbahagi kepada dua keadaan iaitu :

### **( a ) Pengguguran Kandungan Berusia 120 Hari Dan Ke atas**

Para fuqaha' telah bersepakat mengenai pengharaman mengugurkan kandungan yang telah berusia lebih dari 120 hari melainkan ketika dharurat sahaja. Keadaan dharurat tersebut dapat dipastikan melalui kewujudan syarat-syarat yang berikut:

- 1- Disahkan oleh pakar perubatan bahawa kandungan itu memberi mudharat besar kepada ibu jika terus dibiarkan berada di dalam rahim ibu.
- 2- Bilangan pakar perubatan yang membuat pengesahan tersebut hendaklah bilangan yang boleh menimbulkan keyakinan terhadap apa yang disahkan.
- 3- Pakar perubatan yang membuat pengesahan tersebut terdiri dari mereka yang adil dan boleh dipercayai.
- 4- Mendapat keizinan menggugurkan kandungan dari kedua ibubapa terlebih dahulu.
- 5- Tiada cara lain selain menggugurkan kandungan untuk menghindari kemudharatan kepada si ibu.

### **( b ) Hukum Menggugurkan Kandungan Yang Berusia Kurang Dari 120 hari**

Tidak harus atau haram menggugurkan kandungan tersebut melainkan apabila wujud keperluan yang diiktiraf oleh syara'. Berkenaan dengan perkara ini, ia hendaklah ditentukan oleh segolongan fuqaha' yang memang pakar di dalam hal-hal seperti ini.

Berkenaan hukum di atas, muktamar Ribat ( 1971 ) telah membuat resolusi berikut:

**Bagi mengeluarkan hukum berkenaan pengguguran kandungan, muktamar ini telah meneliti pendapat-pendapat yang telah dikemukakan oleh para fuqaha' yang beragama Islam. Setelah dibuat penelitian yang rapi, maka jelaslah bahawa haram menggugurkan kandungan yang berusia lebih dari empat bulan melainkan ketika wujud dharurat yang mendesak bagi tujuan menjaga keselamatan nyawa si ibu. Adapun menggugurkan kandungan yang belum berusia empat bulan ( bermula**

**kewujudan air mani lelaki dalam rahim dan mula membentuk janin ), sekalipun wujud berbagai-bagai pendapat dari kalangan para fuqaha', pendapat yang paling tepat ialah diharamkan pengguguran kandungan tersebut melainkan ketika wujud dharurat yang mendesak bertujuan menjaga keselamatan nyawa si ibu.**

### **Komentar Tentang Penghadan Usia Empat Bulan**

Daripada perbincangan di atas , kita dapati bahawa para fuqaha' telah membahagikan janin kepada dua keadaan iaitu yang berusia empat bulan ke atas dan yang belum berusia empat bulan .

Pembahagian tersebut tidak dipersetujui oleh sebahagian pakar perubatan . Di antara yang tidak bersetuju dengan pembahagian di atas ialah Dr Hassan Hathut. Beliau berkata:

*"Tidak sepatutnya kita hanya menerima apa yang dinyatakan oleh ulama' silam secara bulat-bulat. Ini kerana mereka membahaskan sesuatu ( yang berkaitan bidang perubatan ) berdasarkan kemampuan dan kemudahan yang wujud ketika itu. Pada masa sekarang terdapat peralatan canggih yang tidak terdapat di zaman mereka. Oleh kerana saya adalah salah seorang pakar perubatan , maka menjadi tanggungjawab saya untuk menyatakan berkenaan permulaan hidup janin. Sebenarnya janin telahpun hidup sebaik sahaja ia mula membentuk sebagai kandungan bukannya selepas empat bulan. Jantung janin mula berdenyut ketika ia berusia lima minggu....."*

Ringkasnya Dr Hassan tidak menyetujui pembahagian janin kepada dua keadaan. Oleh itu bagi beliau haram menggugurkan janin sekalipun sebelum janin berusia empat bulan melainkan jika wujudnya dharurat.

Komentar tersebut ditolak oleh sebahagian fuqaha'. Mereka berhujjah penentuan empat bulan itu adalah dibuat oleh nabi S.A.W bukan berdasarkan kajian perubatan di zaman dahulu. Para fuqaha' juga menegaskan bahawa penentuan empat bulan itu adalah termasuk dalam perkara ta'abbudiah iaitu perkara yang tidak difahami oleh akal. Tambahan pula, para fuqaha' tidak menyebut bahawa janin mula hidup ketika berusia empat bulan, apa yang mereka sebut ialah ruh ditiup ketika janin berusia empat bulan.

### **Resolusi Fiqh Berkenaan Bilakah Permulaan Hidup Manusia**

Muktamar Perubatan Islam yang berlangsung pada 15-17 Januari 1985 di Hotel Hilton Kuwait telah membuat resolusi berikut berkenaan permulaan hidup manusia:

- 1- Permulaan hidup manusia ialah sebaik sahaja berlaku persenyawaan benih lelaki dan benih perempuan .**

- 2- Sebaik sahaja terbentuk kandungan dalam rahim perempuan, maka kandungan itu wajib dihormati dan mempunyai hak-hak yang ditetapkan oleh syara'.
- 3- Apabila kandungan sampai ke peringkat peniupan ruh – ketika berusia empat bulan atau empat puluh hari – kehormatan kandungan bertambah tinggi .

### **Beberapa Contoh Keharusan Menggugurkan Janin**

#### **( a ) Menggugurkan Janin Kerana Kecacatan**

Menurut ilmu perubatan, kecacatan dapat dikesan ketika janin masih berada di dalam kandungan ibunya. Namun begitu jenis kecacatan tersebut adalah berbeza di antara satu sama lain. Oleh itu para fuqaha' telah berselisih pendapat adakah kecacatan dianggap dharurat yang mengharuskan pengguguran janin.

#### **Pembahagian Kecacatan**

Kecacatan menurut ilmu perubatan terbahagi kepada tiga keadaan iaitu kecacatan yang tidak mengancam kehidupan janin, kecacatan yang menyulitkan kehidupan janin selepas kelahirannya tetapi boleh dirawat dan kecacatan yang mengancam kehidupan janin selepas kelahirannya dan tidak boleh dirawat.

Kecacatan yang pertama dan kedua tidak dikira sebagai pengharus kepada pengguguran, manakala kecacatan ketiga pula tempat perbezaan antara pendapat fuqaha'.

Berkenaan kecacatan yang ketiga ini, Perhimpunan Fiqh telah memutuskan : **Sebelum berlalu tempoh seratus dua puluh hari, apabila telah terbukti melalui pengesahan jawatankuasa perubatan yang dianggotai oleh pakar-pakar yang dipercayai bahawa janin mngalami kecacatan serius yang tidak boleh dirawat, dan kecacatan tersebut akan menyulitkan janin dan keluarganya, maka ketika itu harus digugurkan janin tersebut selepas diminta oleh keduai bubapanya.**

**Manakala Unit Fatwa Universiti Al Azhar pula memutuskan harus digugurkan janin yang berusia sebulan disebabkan penyakit keturunan yang memudharatkan dengan syarat proses pengguguran itu tidak mendatangkan mudharat kepada si ibu.**

#### **( b ) Menggugurkan Kandungan Zina**

Para fuqaha' telah berbeza pendapat berkenaan masalah di atas kepada dua pendapat. Pendapat yang pertama tidak mengharuskan pengguguran akibat zina bertujuan menutup pintu perzinaan dan juga berdasarkan hadis nabi S.A.W berkenaan Al Ghamidiyyah. Pendapat kedua berpendapat harus digugurkan kandungan tersebut dengan alasan untuk mengelakkan berlaku kecelaruan dalam keturunan.

Penulis secara peribadi lebih cenderung kepada pendapat yang membezakan di antara janin kandungan zina dengan kandungan rogol. Kandungan zina tidak harus digugurkan kerana si ibu secara jelas tidak menghormati maruah dirinya. Manakala kandungan rogol pula harus digugur jika usia janin belum mencapai usia 120 hari dengan syarat mendapat keizinan dari si ibu terlebih dahulu . Ini kerana si ibu tidak bersalah kerana ia telah menjadi mangsa rogol.

### **Garis Panduan Pengguguran Kandungan**

Para fuqaha' telah meletakkan beberapa garis panduan bagi mengharuskan pengguguran kandungan akibat dirogol. Garis panduan tersebut ialah:

- 1- Pengguguran itu berlaku sebaik sahaja berlaku kehamilan.
- 2- Janin berusia kurang dari empat bulan.
- 3- Teknik pengguguran tidak memudharatkan si ibu.
- 4- Permohonan oleh si ibu dari jabatan rasmi yang bertanggungjawab berkenaan kes rogol bagi memastikan jenayah rogol tersebut benar-benar berlaku, memastikan keberkesanan teknik pengguguran dan menjejak si penjenayah.
- 5- Hanya hospital-hospital tertentu sahaja yang dibenarkan menjalankan proses pengguguran kandungan.
- 6- Alasan untuk menggugurkan kandungan itu hendaklah diteliti oleh jawantankuasa yang dianggotai oleh pakar-pakar perubatan dan pakar-pakar fiqh.

### **Mati Otak ( Brain Death )**

Mati otak merupakan satu isu baru yang telah hangat dibincangkan oleh golongan-golongan yang pakar mengenai masalah ini. Hasil dari perbincangan mengenai isu ini begitu hangat sekali diperkatakan memandangkan kematian adalah sesuatu yang berkait rapat dengan hak-hak orang yang masih hidup dan hak si mati itu sendiri.

#### **Definisi Mati Dari Perspektif Syara'**

Mati ialah perpisahan ruh dari jasad buat selama-lamanya. Oleh kerana ruh tidak dapat dikesan dengan pancaindera, maka para fuqaha' membincangkan tanda-tanda zahir perpisahan tersebut. Para fuqaha' telah mengemukakan beberapa tanda berdasarkan kefahaman dan suasana prasarana di zaman mereka.

Mereka juga bersepakat bahawa kematian bermakna jasad tidak lagi berfungsi dan tidak boleh dikembalikan fungsinya buat selama-lamanya.

### **Definisi Mati Dari Perspektif Perubatan**

Definisi mati menurut istilah perubatan ialah terhentinya pusat-pusat penting di bahagian pangkal otak ( brain stem ) secara kekal di mana ia berperanan untuk mengekalkan proses pernafasan secara langsung dan mengekalkan proses aliran darah keseluruh badan.

Bagi penulis, kedua-dua ta'rif di atas mempunyai pengertian yang sama. Kedua-duanya menerangkan kesan kematian ke atas jasad iaitu tidak berfungsi secara keseluruhan dan tidak mampu dipulihkan samasekali.

Berkenaan dengan perselisihan yang diperdebatkan pula, bagi penulis ianya adalah berkisar tentang pergerakan yang masih wujud pada jasad tersebut. Adakah pergerakan itu menunjukkan bahawa jasad belum rosak sepenuhnya dan ada harapan untuk dirawat atau sebaliknya. Bagi pakar perubatan dan kebanyakan fuqaha', mereka menganggap kerosakan otak yang menyebabkan sel-sel badan rosak secara keseluruhan dan tidak mampu dipulih adalah menunjukkan kematian telah berlaku.

Proses pernafasan yang masih berlaku ketika menggunakan alat bantuan pernafasan pula sebenarnya bukanlah beerti jasad itu sendiri yang menjalankan proses pernafasan itu, tetapi alat bantuan tersebutlah yang menyebabkan proses itu berlaku.

Keadaan di atas samalah dengan keadaan binatang yang telah disembelih tetapi masih bergerak sekalipun setelah sempurna penyembelihan dilakukan. Pergerakan tersebut sememangnya bukan menunjukkan binatang itu masih hidup kerana pergerakan yang berlaku itu adalah pergerakan pengepaman darah oleh jantung selama beberapa minit sebelumnya ianya terhenti.

Manakala ada sesetengah fuqaha' pula yang beranggapan pergerakan yang terdapat pada jasad itu adalah suatu isyarat bahawa kematian belum berlaku. Mereka berhujjah bahawa asal jasad itu adalah hidup. Untuk dihukum sebaliknya, maka perlu dibukti dan boleh diterima oleh semua pihak samada ahli perubatan atau orang biasa. Ini bertujuan untuk mengelak perasaan tidak puashati di kalangan keluarga si mati jika timbul sesuatu kes yang bersangkutan dengan si mati.

Bagi sebahagian fuqaha' mati dapat disahkan apabila terhenti nadi dan denyutan jantung dan tiada apa-apa pergerakan badan.



## **Resolusi Fiqh Berkenaan Mati Otak**

Perhimpunan Fiqh Islam yang telah bersidang di Amman pada tahun 1986 telah memutuskan apabila berlaku salah satu dari dua perkara maka dihukum kematian telah berlaku. Dua perkara tersebut ialah:

- 1- Apabila terhenti jantung dan pernafasan secara keseluruhan dan disahkan oleh beberapa orang pakar perubatan bahawa pernafasan dan pergerakan itu berhenti buat selama-lamanya.**
- 2- Apabila otak tidak berfungsi secara keseluruhan dan disahkan oleh beberapa orang pakar perubatan, dalam masa yang sama otak mula mengalami proses kebinasaan sedikit demi sedikit.**

## **Mencabut Alat Pernafasan**

Orang yang mati otak apabila diberi alat bantuan pernafasan masih mampu bernafas. Akan tetapi apabila dicabut alat pernafasan, maka pernafasannya akan terhenti dan dihukum mati. Dari sini timbul perbincangan hukum mencabut alat pernafasan bagi orang yang telah mengalami mati otak.

## **Pandangan Ahli Perubatan**

Ahli perubatan – secara logiknya mengharuskan dicabut alat bantuan pernafasan apabila seseorang itu dihukum mati otak. Ini disebabkan mati otak adalah merupakan kematian di sisi ahli perubatan sebagaimana yang dijelaskan sebelum ini.

## **Pendapat Fuqaha'**

Berdasarkan kajian penulis, terdapat dua resolusi berkenaan hukum mencabut alat bantuan pernafasan dari orang yang dihukum mati otak.

Resolusi pertama telah dikeluarkan pada Persidangan Fiqh yang kesepuluh di Mekah. Hasil daripada persidangan tersebut para fuqaha' telah memutuskan bahawa boleh dicabut alat bantuan pernafasan apabila telah disahkan oleh beberapa pakar perubatan bahawa si pesakit itu telah mengalami kematian otak. Manakala resolusi kedua telah dikeluarkan oleh Majlis Fiqh Mekah yang menyatakan:

**Pesakit yang diberi alat bantuan pernafasan boleh dicabut alat tersebut apabila dia disahkan mengalami kebinasaan otak secara keseluruhan ( mati otak ) . Kebinasaan itu hendaklah disahkan oleh tiga pakar perubatan dan mereka juga mengesahkan bahawa kebinasaan itu tidak boleh dirawat lagi sekalipun dalam masa yang sama jantung dan pernafasan masih lagi berlaku melalui alat bantuan pernafasan. Namun begitu, pesakit tersebut**

**masih belum dihukum mati melainkan apabila pernafasan dan jantung terhenti secara sepenuhnya selepas dicabut alat bantuan pernafasan.**

### **Kepentingan Mencabut Alat Pernafasan**

Kajian perubatan yang disediakan Kementerian Kesihatan Saudi telah menjelaskan kepentingan mencabut alat bantuan pernafasan dari orang yang telah mati otak. Kepentingan tersebut adalah seperti berikut:

- 1- Membiarkan alat bantuan pernafasan terus dipasang pada jasad orang yang mati otak adalah perbuatan sia-sia. Ini kerana kematian otak tidak boleh dirawat.
- 2- Unit Kawalan Rapi ( ICU ) di mana-mana hospital adalah dikhususkan untuk memberi rawatan rapi dan eksklusif. Pada kebiasaannya pula bilik Unit Rawatan Rapi adalah terhad. Kelancaran Unit Rawatan Rapi pastinya terbantut dengan kewujudan pesakit mati otak dalam tempoh yang lama dalam unit tersebut.
- 3- Kos rawatan di Unit Rawatan Rapi adalah terlalu tinggi. Oleh itu lebih baik perbelanjaan digunakan untuk pesakit yang ada harapan untuk dirawat.
- 4- Kewujudan pesakit mati otak di wad ICU dalam tempoh yang lama akan menyebabkan doktor merasa jemu dan bosan.

### **Kesimpulan**

Mati otak juga adalah merupakan satu kematian. Namun begitu proses pengebumian tidak boleh dilaksanakan melainkan setelah hilang segala pergerakan dari jasad tersebut. Ini adalah bertujuan untuk mengelak sangkaan buruk dari keluarga si mati.

Begitu juga apa yang disebut di atas perlu dikaji kembali jika wujudnya perkembangan teknologi baru yang boleh mencaskan sel-sel otak yang telah berhenti berfungsi.

## **Euthanasia**

### **Definisi Euthanasia**

Euthanasia berasal dari bahasa Greek bermakna Pembunuhan Rahmah atau memudahkan kematian. Manakala definisi Euthanasia di dalam istilah perubatan pula ialah memudahkan kematian pesakit yang tiada harapan untuk sembuh berdasarkan permintaan dari si pesakit itu sendiri.

### **Jenis-jenis Euthanasia**

Euthanasia terbahagi kepada beberapa jenis di antaranya ialah :

1- **Euthanasia Aktif** - iaitu mempercepatkan kematian seseorang dengan tindakan secara langsung seperti menyuntik ubatan tertentu yang boleh membawa maut dengan segera.

2- **Euthanasia Pasif** - iaitu mempercepatkan kematian seseorang secara tidak langsung seperti menghentikan makanan, air, ubatan, atau prosedur-prosedur yang perlu bagi meneruskan hidup seseorang pesakit. Pesakit ini dibiarkan tanpa sebarang rawatan sehingga mati disebabkan penyakit yang dialaminya.

3- **Euthanasia Secara Sukarela** - iaitu apabila seseorang yang ingin dipercepatkan kematiannya berdasarkan permintaannya sendiri samada secara lisan atau bertulis.

### **Sebab Dilaksanakan Euthanasia**

Kebanyakan pihak yang menerima pakai kaedah Euthanasia ini berhujah bahawa proses tersebut dapat membantu pesakit yang sudah tidak ada harapan untuk sembuh. Ini disebabkan ia dapat mengakhiri penderitaan yang dialami oleh pesakit tersebut serta mengurangkan kos perubatan.

### **Pendirian Islam**

Pembunuhan Rahmah telah dikaji oleh para ulama' dan jawatankuasa yang bertanggungjawab berkenaan isu-isu terkini di beberapa buah negara Islam di Timur Tengah. Secara rasminya, semua pihak bersetuju bahawa Islam mengharamkan Pembunuhan Rahmah.

Majlis Fatwa Kuwait ( fatwa bertarikh 13 Ogos 2001 ) telah mengeluarkan fatwa berikut berkenaan hukum Pembunuhan Rahmah:

**Mematikan pesakit dengan apa cara sekalipun adalah diharamkan oleh syara'. Orang yang melakukan perbuatan itu adalah dihukum pembunuh secara sengaja. Nas-nas yang bersumberkan Al-Quran dan hadis nabi S.A.W secara jelas mengharamkan membunuh jiwa dengan cara yang tidak sebenar.**

**Adapun pendapat yang menyebut Pembunuhan Rahmah adalah sama dengan membunuh kuda yang mengalami penyakit yang tidak boleh dirawat lagi adalah pendapat yang salah dan menjatuhkan kedudukan manusia sebagai makhluk yang mulia.**

Berkenaan dengan pesakit yang enggan menerima rawatan penyakit yang boleh membawa maut pula, dia tidaklah dihukum membunuh diri sendiri. Ini kerana kuasa menyembuh itu adalah milik mutlak Allah Taala. Rawatan hanya sebagai

ikhtiar yang diizinkan sahaja bukannya penyembuh hakiki kepada sebarang penyakit.

Sehubungan itu, Dr Yusof Al Qardawi berpendapat euthanasia pasif adalah dibolehkan. Keharusan itu adalah dengan syarat pakar-pakar perubatan bersepakat bahawa si pesakit tersebut sudah tidak ada harapan lagi untuk sembuh.

### **Hukum Membunuh Pengidap HIV atau AID**

Syekh Atiyyah Saqar iaitu bekas Ketua Majlis Fatwa Al Azhar menjelaskan berkenaan hukum membunuh pengidap HIV atau AID dengan kenyataan berikut:

**Haram membunuh pesakit yang mengidap penyakit yang tiada harapan untuk sembuh atau penyakit berjangkit ( sekalipun dengan permintaan dari pesakit itu sendiri ). Ini kerana penyembuh yang hakiki ialah Allah. Setiap penyakit pasti ada ubat melainkan mati. Cuma manusia belum menemui ubat untuk merawat penyakit tertentu. Begitu juga manusia bukanlah pemilik kepada ruhnyanya. Ruhnya adalah milik Allah dan tidak boleh menggunakan ruh melainkan dengan cara yang diizinkan oleh Allah.**

**Orang yang meminta agar dipercepatkan kematian adalah sama dengan membunuh diri sendiri.**

Berkenaan orang yang mengidap penyakit berjangkit pula, beliau berpendapat bahawa Islam telah memberikan garis panduan untuk menangani masalah tersebut melalui cara **Hajr Sihhi** - iaitu kuarantin kesihatan. Arahan ini sebenarnya terdapat di dalam beberapa hadis nabi S.A.W.

Oleh itu haram membunuh pengidap penyakit berjangkit dan tidak boleh menyamakan orang yang menghidap penyakit dengan seorang penjenayah yang patut dibunuh.

**Wallahu'a'lam**

## RUJUKAN

**1- *Abhas Fiqhiyyah Fi Qodhoya Tibbiyyah Mu'asirah***

oleh Prof. Dr Na'im Yasin

**2-*Ahkam al Jirahah al Tibbiyyah***

oleh Dr Muhammad bin Muhammad Al Mukhtar

**3- *al Izn al Tibbi Wa Atharahu Fil Hukmil Fiqhi***

oleh Syeikh Hani Abdullah

**4- *al Iqtisod al Islami Wal Qodhoya al Fiqhiyyah al Mu'asiroh***

oleh Prof Dr Ali Ahmad Al Salus

**5-*Hakikat Kematian Dan Mati Otak Mengikut Kacamata Islam***

oleh Mohd Asri Mat Daud

**6- *Himpunan Isu-Isu Fiqh Islami***

oleh A Tirmizi Taha

**7-*Isu-Isu Syariah Dalam Perubatan : Satu Tinjauan Dari Perspektif Hukum***

oleh Dr. Mat Saad Abdul Rahman

**8-*Konsep Mati Otak Dan Euthanasia***

oleh Mohd Ilham Ismail

**9-*Perubatan Moden Menurut Perspektif Islam***

oleh Basri Ibrahim

**10-*Qodhoya Fiqhiyyah Mu'asiroh***

oleh Pensyarah Al Azhar jilid satu dan tiga

**11-*Qodhoya Fiqhiyyah Mu'asiroh***

oleh Dr. Muhammad Said Ramadhan Al Buti

**12-*Tanggungjawab Daman Kecuaian Dan Salah Laku Perubatan***

oleh Dr Zainal Azam Abdul Rahman